

**Raja Nong Chik Sedia Pertahan Jawatan Majlis Tertinggi Umno
Bernama
7 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, Sept 7 (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin bersedia untuk mempertahankan jawatannya dalam Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti Oktober ini.

Beliau berkata Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan telah memutuskan untuk mencalonkan dirinya dan Tan Sri Zulhasnan Rafique untuk bertanding.

"Saya ucapkan terima kasih atas sokongan dan keputusan Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan yang dipimpin Pengerusinya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor atas pencalonan itu," katanya kepada pemberita dalam majlis Mengenang Aidilfitri bersama Komuniti PPR Kerinchi, Lembah Pantai di sini Sabtu.

Raja Nong Chik berkata meskipun tewas pada pilihan raya umum yang lepas, beliau tetap meneruskan khidmat baktinya sebagai Ketua Umno Bahagian Lembah Pantai.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975979>